

24/02/2000

Melaka perkenal pakej pelancongan pelajar

KUALA LUMPUR, Rabu - Kerajaan Melaka dijangka memperkenalkan pakej pelancongan khas untuk golongan pelajar dalam usaha mencapai sasaran tiga juta pelancong menjelang akhir tahun ini.

Ketua Menteri Melaka, Datuk Wira Mohd Ali Rustam berkata, pihaknya akan berbincang dengan Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pendidikan Negeri Melaka untuk menjadikan pakej berkenaan sebahagian kegiatan ko-kurikulum pelajar khususnya pada hujung minggu.

Sehubungan itu, katanya, mesyuarat pertama akan diadakan pada Mac ini untuk mendapatkan maklum balas daripada Kementerian Pendidikan dan agensi pelancongan sendiri.

Beliau berkata, pakej itu dijangka turut membabitkan penginapan seperti hotel kelas ekonomi, asrama sekolah dan belia atau perkhemahan di hutan rekreasi.

"Portfolio pelancongan dan pendidikan Melaka sudah diminta mengadakan perbincangan dan saya berharap pakej ini dapat diusahakan dengan segera.

"Selain itu, kami juga meminta agensi pelancongan di Melaka mengadakan pakej untuk pelajar melawat Melaka dengan memberi insentif tertentu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan majlis penutup Festival Pelancongan Melaka 2000 di Kuala Lumpur City Centre (KLCC) di sini, hari ini.

Festival selama enam hari bermula Jumaat lalu yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Melaka disertai 82 badan dan syarikat seperti Institut Pengajian Seni Malaysia, Akademi Laut Malaysia, Yayasan Melaka, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Perwakilan dari perkampungan Portugis Melaka dan A'Famosa Waterworld.

Acara itu ditaja oleh Telekom Malaysia Bhd, Tenaga Nasional Bhd, A Famosa Bhd, Kit Kat Nestle, United Engineering (M) Bhd, Kumpulan DRB Hicom serta New Straits Times dan Nanyang Siang Pau sebagai media rasmi dan Insurans Takaful Nasional sebagai insurans rasmi.

Di majlis pelancaran festival itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyarankan pengusaha industri pelancongan tempatan mewujudkan pakej pelancongan khusus untuk kanak-kanak sekolah.

Perdana Menteri berkata, kumpulan itu perlu didedahkan kepada warisan negara bagi menyemai rasa cinta serta semangat taat setia kepada negara, dan dengan itu aktiviti pelancongan membabitkan kanak-kanak sekolah perlu diperbanyakkan.

Mohd Ali berkata, cadangan berkenaan juga akan dikemukakan kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dan pengusaha hotel tempatan.

(END)